

# Pekerja industri digalakkan menguasai bahasa Jepun

SHAM ALAM 23 Nov. — Kerajaan telah memutuskan untuk memberi penekanan terhadap penguasaan bahasa Jepun terhadap para pekerja dan eksekutif yang terlibat secara langsung dalam perindustrian negara, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun tahap penguasaan tidaklah perlu terlalu tinggi, tetapi bagi pihak pengurusan, mereka dikehendaki mempunyai penguasaan yang baik bagi keperluan tugas masing-masing.

"Kerajaan akan mengadakan beberapa

kemudahan untuk mempelajari bahasa Jepun bagi memenuhi tujuan ini," katanya ketika berucap merasmikan kilang Matsushita Television di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, dengan menguasai bahasa Jepun, para pekerja dan eksekutif akan dapat mengetahui dan belajar dengan berkesan etika kerja, cara-cara pengurusan dan organisasi syarikat dan industri Jepun yang membawa kejayaan kepada mereka dalam bidang ekonomi.

Beliau berharap, syarikat-syarikat Je-

pun akan membantu dalam usaha ini dengan mengadakan kemudahan sendiri bagi pekerja mereka mempelajari bahasa Jepun.

Pegawai-pegawai kerajaan juga ujar beliau digalakkan mempelajari bahasa Jepun.

Perdana Menteri mahu para pekerja dan eksekutif Malaysia berpandangan positif terhadap usaha memberi tekanan terhadap penguasaan bahasa Jepun.

Katanya, langkah ini bukanlah bertujuan menjadikan rakyat negara ini orang Jepun.

"Jika kita ingin maju dan berjaya, kita

hendaklah belajar daripada orang yang maju dan berjaya.

"Tidak ada cara yang lebih berkesan dalam mempelajari bagaimana orang lain berjaya selain daripada memahami bahasa mereka," tegas beliau.

Perdana Menteri berpendapat, rakyat tidak akan rugi jika berjaya menguasai bahasa Jepun tetapi akan tetap untung.